

30/07/1997

Penduduk setempat diutamakan

Veena Rusli

PASIR PUTEH, Selasa - Calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak, Kamaruddin Mohd Nor, akan memastikan penduduk setempat mendapat manfaat daripada beberapa projek besar ekonomi yang sedang dijalankan di kawasan itu.

Menurutnya, iltizam ke arah itu amat penting kerana penduduk Semerak belum mendapat kesan langsung hasil pembangunan yang sedia ada.

Beliau berkata, projek Kemasin-Semerak (Perkasa) yang bernilai hampir RM500 juta belum menunjukkan manfaat menyeluruh kepada penduduk setempat.

"Kekurangan paling ketara di Semerak ialah kesan ekonomi terhadap rakyat hasil pembangunan setempat dan misi utama saya adalah untuk mengubah keadaan ini.

"Projek Kemasin-Semerak sepatutnya membawa kesan besar kepada penduduknya, tetapi ia perlu digarap menerusi usaha teratur oleh pihak yang bertanggungjawab dalam meningkatkan tahap ekonomi rakyat," katanya selepas majlis pengumuman calon BN di Cherang Ruku, di sini, malam tadi.

Hadir sama Pengerusi BN negeri, Datuk Annuar Musa dan Timbalannya, Datuk Mustapa Mohamed.

Kamaruddin yang turut dikekalkan sebagai Pengarah Operasi BN bagi pilihan raya kecil DUN Semerak pada 11 Ogos ini berkata, beliau juga menitikberatkan perubahan pendidikan dan sosial selaras usaha meningkatkan taraf kehidupan penduduk.

Menurutnya, lokasi Semerak yang berada di pertengahan projek lebuhraya pesisiran pantai dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu juga akan membawa kesan ekonomi yang positif kepada rakyat, khususnya di DUN berkenaan.

"Kedua-dua projek besar ini mempunyai limpahan rahmat ekonomi kepada rakyat, namun ia memerlukan perancangan dan perencanaan teliti dalam segala hal.

"Tanggungjawab ini perlu dilaksanakan segera dan hanya boleh dilakukan oleh mereka yang berwibawa serta mempunyai wawasan," katanya.

Pilihan raya kecil DUN Semerak akan diadakan pada 11 Ogos ini berikutan kematian wakil rakyatnya, Sulaiman Ahmad, 62, pada 6 Julai lalu akibat serangan angin ahmar. Penamaan calon akan diadakan Khamis ini.

Kamaruddin berkata, BN mempunyai tenaga kerja yang mencukupi dalam menghadapi persaingan kali ini di samping komitmen jitu daripada semua pihak terbabit.

Ditanya mengenai kedudukan sebagai Pengarah Operasi pilihan raya, beliau berkata keadaan itu tidak menimbulkan sebarang kesulitan berikutan kerjasama dan sokongan padu yang diterima.

Ketika berucap sebelumnya, beliau merakamkan penghargaan kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir aMohamad, kerana menaruh kepercayaan terhadapnya untuk bertanding sebagai calon pilihan raya kecil DUN Semerak itu.

"Ini adalah tugas yang agak berat dan saya terharu dengan kepercayaan pucuk pimpinan parti, khususnya Dr Mahathir, serta pimpinan bahagian di atas kerjasama dan persefahaman yang diberi," katanya.

(END)